



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	16/1/2013

# Mat Sabu ubah pendirian

BH-16/1/2013

» *Setuju tak benar bukan Islam guna kalimah Allah*

■ Kota Bharu

**T**imbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu yang sebelum ini menyokong penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam, menukar pendirian apabila bersetuju dengan keputusan Majlis Syura Ulama PAS.

Ia susulan ketetapan sayap tertinggi PAS itu yang memutuskan kalimah Allah tidak boleh digunakan dalam Bible versi bahasa Melayu kerana tidak menepati kehendak sebenar kalimah berkenaan.

Mohamad berkata, pendiriannya mengenai penggunaan kalimah Allah dalam Bible

versi bahasa Melayu seperti diminta Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng adalah sama dengan keputusan Majlis Syura Ulama PAS.

## Terima keputusan Majlis Syura

"Pendirian saya macam pendirian Majlis Syura (Ulama PAS)," katanya selepas merasakan Markas Pilihan Raya Muslimat PAS Kota Bharu, di sini, kelmarin.

Beliau mengulas keputusan mesyuarat Majlis Syura PAS Ahad lalu, dipengerusikan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang turut menegaskan tindakan menterjemah perkataan 'God' atau 'Lord' dari mana-mana kitab agama bukan Islam kepada Allah tidak dibenarkan kerana ia salah dari segi makna.

Di **GEORGETOWN**, sekumpulan 15 wartawan yang

menghadiri sidang media Guan Eng semalam, gagal mendapatkan reaksi Ketua Menteri Pulau Pinang itu mengenai keputusan PAS.

"Ramai wartawan hadir dan saya perlu hati-hati cakap," katanya sebelum memberi kenyataan mengenai cadangan kerajaan negeri menawarkan tender bagi projek pembangunan dan pengurusan tanah kerajaan negeri di Sandiland Foreshore di Jalan CY Choy.

## Guan Eng enggan beri komen

Selepas memberi kenyataan mengenai projek itu, Guan Eng dengan suara perlahan tanpa menggunakan pembesar suara, berkata: "Ada apa-apa soalan tak?" sebelum bingkang bangun dan beredar.

Dalam perkembangan berkaitan, bekas Timbalan Pre-

siden PAS, Nasharudin Mat Isa, menasihatkan semua ahli parti itu mematuhi keputusan Majlis Syura Ulama PAS berhubung isu berkenaan.

"Apa yang dihasilkan pada mesyuarat Majlis Syura Ulama adalah keputusan bijak dan kena pada masanya. Apa yang diputuskan, kita harus berpegang kepada itu dan bukannya pandangan peribadi," katanya sambil menambah, Majlis Syura Ulama pastinya sudah berbincang dan membuat pemerhatian teliti sebelum membuat keputusan demikian.

"Bukan saja pandangan politik dan tuntutan menjaga keharmonian Islam, tetapi dalam konteks masyarakat Malaysia sendiri, memang tidak sesuai kalimah Allah digunakan penganut agama lain," katanya yang menjelaskan beliau tidak hadir pada mesyuarat itu kerana berada di luar negara.

**BERNAMA**